

# SST: HARGA LEBIH MAHAL?

▶ Pelbagai pihak bimbang harga barang naik apabila SST sebanyak 10 peratus dilaksana mulai 1 September ini, berbanding GST, 6 peratus.

▶ SST disifatkan sebagai sistem cukai 'berantai' yang mempunyai caj tersembunyi tidak diketahui pengguna justeru kerajaan diminta jelaskan cara pengiraannya.

"Kadar GST yang lebih rendah akan meyebabkan harga pengguna lebih rendah berbanding SST yang jelas lebih tinggi."



**DR. AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF**  
Pensyarah Kanan Putra Business School, UPM



"Pelaksanaan semula SST amat membimbangkan, sudah tentu cukai dikenakan kepada pengilang dan pengimport akan dibebankan pula kepada pengguna."

**DATUK ABDUL HALIM MANSOR**  
Presiden MTUC

"Majikan bimbang SST akan meningkatkan kos operasi dan mereka mengenakkannya kepada pengguna, kerajaan wajar kaji cara lain untuk tambah pendapatan negara."

**DATUK SHAMSUDDIN BARDAN**  
Pengarah Eksekutif MEF



